

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 9 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 10**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1311-L54999  
**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi membendung banjir Pemandang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini yang menyebabkan berlakunya kerosakan di kalangan rakyat tempatan.
2. PR-1311-L54787  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pembinaan kereta api berkelajuan tinggi (*High Speed Train*) di antara Singapura dan Malaysia. Apakah landasan kereta api tersebut akan melalui ke semua bandar besar di Semenanjung Malaysia dan apakah projek ini akan diberikan melalui tender terbuka.
3. PR-1311-L55029  
**Tuan Rozman Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan kekerapan penerbangan dan menggalakkan lebih banyak syarikat penerbangan mendarat di Labuan bagi memenuhi permintaan dan meningkatkan sektor pelancongan di Labuan kerana Labuan mempunyai sebuah lapangan terbang yang besar serta moden. Malangnya, jumlah penerbangan masih kurang menyebabkan kadar penggunaannya masih di bawah kapasiti.
4. PR-1311-L54568  
**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha-usaha Kementerian secara terperinci bagi menangani masalah mengenai dakwaan harga barang basah yang naik secara mendadak setiap hari dan membebankan rakyat biasa.
5. PR-1311-L53245  
**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk melaksanakan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) atau RTC Mini di kawasan Parlimen Sibuti khususnya di Bekenu kerana kawasan ini mempunyai potensi untuk dibangunkan serta aktiviti pertanian dan industri kelapa sawit sangat rancak di kawasan tersebut.

6. PR-1311-L53802  
**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilakah kemudahan UNIFI akan dapat dirasai oleh seluruh rakyat negeri Kelantan.
7. PR-1311-L53143  
**Datuk Johari bin Abdul Ghani [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
  - (a) adakah pihak Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membuat kajian terperinci mengenai masalah banjir kilat yang berlaku di sekitar Kuala Lumpur terutama di kawasan Kampung Bharu dan Dato' Keramat walaupun berbilion ringgit telah dibelanjakan untuk pembangunan Terowong SMART; dan
  - (b) sekiranya ia berlaku kerana masalah perangkap sampah melebihi had di sungai-sungai, apakah pelan jangka masa panjang yang akan dilaksanakan bersama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi mengatasi masalah ini.
8. PR-1311-L54156  
**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan usaha Kementerian bagi mengurangkan masalah gangguan bekalan air di Selangor dan Kuala Lumpur.
9. PR-1311-L53771  
**Tuan Masir Kujat [ Sri Aman ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan membina gelanggang futsal bagi setiap kawasan Parlimen khususnya di Sri Aman.
10. PR-1311-L54246  
**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah tempat letak kereta di sekitar kawasan perumahan awam Wangsa Maju.
11. PR-1311-L53721  
**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [ Mersing ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membanteras aktiviti mengemis yang berselindung atau memperalat kalangan pelajar-pelajar tahfiz atau anak-anak yatim yang masih berlaku seperti di bank-bank dan tempat Rehat & Rawat (R&R).
12. PR-1311-L54684  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bila Kerajaan akan membina tempat letak kereta pelbagai tingkat (multi-storey) di Hospital Umum Kuching.

13. PR-1311-L54624  
**Dato' Abd. Aziz bin Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penerima biasiswa JPA setakat tahun 2011 hingga 2012. Nyatakan juga pecahan kaum penerima biasiswa tersebut.
14. PR-1311-L54000  
**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah kadar Tol Jambatan Kedua Pulau Pinang telah diputuskan. Jika ya, berapakah kadarnya. Dan berdasarkan kadar tersebut Kerajaan perlu mengambil masa berapa lama untuk mendapat kembali modal projek ini.
15. PR-1311-L53731  
**Tuan William @ Nyallau anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat manakah projek pembinaan Klinik Kesihatan Daerah Lubok Antu dipertimbangkan dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-10 yang amat diperlukan oleh penduduk daerah Lubok Antu.
16. PR-1311-L53471  
**Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil untuk mengelakkan tragedi-tragedi keruntuhan begitu banyak bangunan-bangunan projek Kerajaan di Terengganu kebelakangan ini.
17. PR-1311-L55020  
**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan pengairan yang akan dibuat oleh Kerajaan terhadap kawasan tanaman padi di Machang bagi membolehkan petani menanam padi sebanyak dua kali setahun.
18. PR-1311-L53494  
**Tuan Seah Leong Peng [ Telok Intan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sehingga 31 Mei 2013 berapakah jumlah pekerja asing yang telah diberi permit untuk bekerja di Malaysia berdasarkan pecahan mengikut kewarganegaraan.
19. PR-1311-L53118  
**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
  - (a) pandangan dan tindakan Kementerian ke atas kes rogol yang melibatkan gadis bawah umur, di mana dakwaan ke atas suspek digugurkan kerana suspek telah mengahwini mangsa setelah membayar RM 5,000; dan
  - (b) sama ada undang-undang sedia ada memadai untuk melindungi mangsa rogol seperti ini.

20. PR-1311-L54068  
**Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada larangan atas buku yang ditulis oleh Bernard Sta Maria yang bertajuk *The Golden Son of the Kadazan* akan ditarik balik.
21. PR-1311-L53062  
**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Kementerian untuk menubuhkan satu Majlis Guru bertaraf profesional, berdaftar dan bertauliah untuk menjaga dan mengawal pendidik sebagai usaha transformasi dunia pendidikan yang lebih efisien di seluruh negara.
22. PR-1311-L54527  
**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status dan perkembangan Parlimen Belia Malaysia seperti hansard sidang pertama, adakah usul yang diluluskan dalam Parlimen Belia akan dibawa ke Kabinet untuk pelaksanaan dan program seterusnya.
23. PR-1311-L54074  
**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah Kerajaan dalam menangani masalah permainan hiburan keluarga yang berunsur perjudian di daerah Pontian; dan
  - (b) adakah keperluan mewujudkan satu badan khas dalam menyelesaikan senario tersebut memandangkan undang-undang sedia ada di Kementerian masing-masing adalah terhad dan kurang berkesan dalam mengawal senario tersebut daripada terus berleluasa.
24. PR-1311-L53696  
**Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha bagi terus membangunkan dan meningkatkan kualiti keseluruhan sektor pengajian tinggi dalam negara ini, memandangkan Malaysia hanya mampu menduduki tangga ke-27 di dunia daripada 50 negara yang dinilai oleh Universitas 21(U21) dengan skor keseluruhan 52.4 peratus.
25. PR-1311-L53986  
**Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status semasa TechnoFund yang wujud di bawah Kementerian. Berapa jumlah keseluruhan usahawan yang dibantu dengan pelbagai dana yang ada di bawah Kementerian setakat ini.
26. PR-1311-L53081  
**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah jumlah dan bagaimanakah Kaedah Agihan Peruntukan untuk Galakan/Promosi Pelancongan untuk Negeri Kelantan bagi tahun 2008 hingga 2013.

27. PR-1311-L53246  
**Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah diambil oleh pihak polis ke atas Perhimpunan Hitam.
28. PR-1311-L54836  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tahap perbelanjaan berlebihan dan kelewatan dalam pembinaan Lapangan Terbang KLIA 2 dan landasan berkembar dari Ipoh ke Padang Besar dan dari Seremban ke Johor Bahru.
29. PR-1311-L54410  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan perkara Malaysia mempunyai tempat sebagai anggota dalam United Nations Security Council.
30. PR-1311-L54235  
**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah rumah pangsa yang melebihi 10 tahun di sekitar Wilayah Persekutuan yang belum dikeluarkan hak milik strata. Apakah langkah yang diambil untuk mempercepatkan proses ini.
31. PR-1311-L54731  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Jalan Kuala Tatau Serupai di Bintulu akan dibina dan berapakah jumlah peruntukan yang diperlukan memandangkan pelbagai pengumuman dan majlis pecahtanah pernah dibuat tetapi sehingga kini pembinaan jalan tersebut masih belum dijalankan.
32. PR-1311-L54199  
**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menubuhkan Independent Police Complaints and Misconduct Commission [IPCMC] dalam melihat peningkatan jumlah kematian dalam tahanan polis ketika direman. Jika tidak, nyatakan sebab-sebab.
33. PR-1311-L54946  
**Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian melakukan pemantauan sistematik tentang belia lulusan kolej dan universiti yang belum mendapat pekerjaan, jika ya apakah langkah-langkah untuk memastikan mereka mendapat pekerjaan dalam masa setahun selepas tamat pengajian.
34. PR-1311-L54930  
**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [ Lumut ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan alasan membenarkan Panglima Tentera Laut mengadakan ceramah berunsur politik pada 18 April 2013 dengan menjemput wakil PERKASA dan Tun Mahathir memberi ceramah. Pelaksanaan program ini telah memberi impak yang teruk kepada pengundi TLDM dan calon bukan BN.

35. PR-1311-L54900  
**Dato' Ar. Wan Mohammad Khairil Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah dasar-dasar dan langkah-langkah praktikal Kementerian dalam merangka menyediakan rumah mampu milik dalam bandar dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan dalam mensejahterakan masyarakat bandar khususnya daripada berpendapatan rendah.
36. PR-1311-L54714  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-
- (a) jumlah geran dan pinjaman mudah yang telah diberikan kepada syarikat Syabas sejak 2004; dan
  - (b) sebab geran dan pinjaman diberikan walaupun Kerajaan Persekutuan tidak perlu membiayai kos pembaharuan dan pembaikan paip dalam perjanjian konsesi penswastaaan air.
37. PR-1311-L54966  
**Tuan Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) cadangan pemindahan Pangkalan TUDM Butterworth ke lokasi lain; dan
  - (b) di manakah lokasi tersebut dan bilakah pelaksanaannya akan dibuat dan apakah perancangan yang dicadangkan di atas tanah Pangkalan TUDM Butterworth sekiranya ada cadangan pemindahan berkenaan.
38. PR-1311-L53702  
**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbelanjaan RM6 juta secara teliti pembelian dakwat kekal serta latar belakang dan akreditasi kualiti syarikat yang telah membekal dakwat atau komponen-komponen dakwat kekal yang telah digunakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 baru-baru ini.
39. PR-1311-L54647  
**Datuk Chua Tee Yong [ Labis ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan pemohon dan jumlah kelulusan yang telah diberikan kepada wanita Cina dari tahun 2011 hingga 2013 yang memohon pinjaman mikro kredit yang diuruskan oleh Yayasan Usahawan Wanita Cina Malaysia.
40. PR-1311-L54020  
**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci jumlah kos perbelanjaan Pilihan Raya Umum ke-13 yang diadakan pada 5hb Mei, 2013 dan apakan langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan pilihan raya umum dijalankan secara bersih dan adil.

41. PR-1311-L53154  
**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi bersepadu Kementerian dalam latihan pengurusan sekolah rendah dan menengah yang dipisahkan sejak tahun 2004:-
- (a) bagaimanakah isu lambakan graduan ISMP dari IPTA serta graduan PISMP dari IPGM dapat diselesaikan; dan
  - (b) apakah perubahan dasar dari segi pengkhususan latihan guru di IPTA dan IPGM.
42. PR-1311-L53437  
**Tuan Haji Zainudin bin Ismail [ Jelebu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kemajuan atau penemuan hasil siasatan pihak polis terhadap beberapa pemimpin pembangkang yang dikaitkan dengan penglibatan mereka mendalangi pencerobohan di Lahad Datu, Sabah.
43. PR-1311-L54279  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mempertimbangkan cadangan supaya Kementerian menjalankan penilaian "*cost-benefit*" supaya menilaikan impak FTA yang Malaysia telah menandatangani bi-lateral dan multi-lateral.
44. PR-1311-L53378  
**Dato' Wira Othman bin Abdul [ Pendang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengubah dasar pemberian permit import kereta (AP) dengan menjual kepada setiap pemohon dan bukan lagi secara percuma kepada syarikat tertentu yang membuat keuntungan besar.
45. PR-1311-L53194  
**Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan peminjam PTPTN yang diberi diskaun 20% dan pendapatan yang dijana apabila melangsaikan pinjaman mereka sekaligus dan sama ada dasar sedemikian tidak adil terhadap peminjam-peminjam yang telah menjelaskan pinjaman mereka mengikut jadual pembayaran.
46. PR-1311-L54178  
**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan terhadap kebebasan jaringan internet dengan Pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).
47. PR-1311-L53043  
**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan lanjutan usaha memurnikan hubungan antara agama bagi memastikan perpaduan kaum terjamin di negara ini.

48. PR-1311-L54725  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan bebanan kerja guru akibat pelaksanaan Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).
49. PR-1311-L53174  
**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkara berkaitan akujanji Barisan Nasional dalam PRU13 iaitu bagaimana perancangan dan strategi Kerajaan untuk melaksanakan semua akujanji ini dan apakah bidang yang akan didahulukan.
50. PR-1311-L54070  
**Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mengutip kos rawatan perubatan yang dihutang akibat hutang warganegara asing berjumlah RM21.67 juta di Sabah sejak 2007 hingga 2012.
51. PR-1311-L53516  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kementerian tentang Piramid Makanan (*Food Pyramid*). Adakah Kementerian sedar bahawa ada saintis dan pakar yang berwibawa berpendapat piramid makanan seperti yang dijadikan panduan oleh Kementerian tidak lagi relevan.
52. PR-1311-L54758  
**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Barisan Nasional akan mengiktiraf Ahli Parlimen pilihan rakyat dengan menyerahkan peruntukan untuk setiap kawasan Ahli Parlimen tak kira dari mana jua parti politik ataupun Kerajaan akan memainkan politik balas dendam terhadap Ahli Parlimen di kawasan yang Barisan Nasional (BN) kalah pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13).
53. PR-1311-L53348  
**Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah diwujudkan "*Immigration Check Point*" di kawasan sempadan Ba'Kelalan dengan Long Bawan (Kalimantan Timur), Indonesia.
54. PR-1311-L53821  
**Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah statistik kes-kes pemalsuan geran hakmilik tanah di Malaysia. Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Tanah Negara untuk mengatasi masalah ini.
55. PR-1311-L53243  
**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan tentang krisis kekurangan minyak diesel di pasaran kebelakangan ini:-
- (a) nyatakan punca krisis ini; dan



- (b) jumlah pengeluaran sehari minyak diesel negara dan keperluan pasaran untuk setiap hari dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi kedudukan ini.
56. PR-1311-L54301  
**Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) butir-butir mengenai jumlah laporan Polis yang dibuat di Alor Setar, bersangkutan dengan kes-kes pecah rumah dan rompakan rumah dalam masa 5 tahun dari 2008 sehingga 2013
- (b) daripada laporan-laporan polis tersebut di atas, berapa kes yang telah pun diselesaikan dari segi tangkapan dan tuduhan yang dibawa ke mahkamah.
57. PR-1311-L53586  
**Tuan M. Kulasegaran[ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membendung pengaliran keluar dana wang haram dari negara ini dan mengapa langkah-langkah yang telah diambil tidak berkesan.
58. PR-1311-L54097  
**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan anggota polis di bahagian pengurusan, siasatan jenayah, jabatan KDN/KA, siasatan jenayah komersial, siasatan jenayah narkotik dan logistik.
59. PR-1311-L53932  
**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian bersedia untuk meminda Seksyen 23, Akta Kerajaan Tempatan 1976 untuk mewajibkan semua mesyuarat majlis penuh (*full council*) dan mesyuarat peringkat jawatankuasa dibuka kepada orang ramai dan media di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
60. PR-1311-L54300  
**Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menggantungkan pelaksanaan AES tanpa tempoh terhad untuk menjalankan kajian penuh semula dengan mendapatkan pandangan daripada semua pihak awam yang berkepentingan memandangkan Menteri Pengangkutan baru-baru ini memberi kenyataan bahawa belum ada keputusan dibuat untuk pelaksanaan AES.
61. PR-1311-L54473  
**Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah rendah beraliran Bahasa Cina tidak mempunyai kelayakan Bahasa Cina di peringkat SPM di Bahagian Sarikei. Apakah tindakan Kementerian untuk menangani masalah tersebut.

62. PR-1311-L53886  
**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian dan tindakan susulan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengenai pelbagai dakwaan yang mengatakan sistem Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) kali ini paling kotor, tidak berintegriti, banyak unsur penipuan serta isu penggunaan dakwat kekal.
63. PR-1311-L54165  
**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes jenayah mengikut kategori dan peratusan kes yang telah berjaya disiasat di kawasan Parlimen Bandar Kuching dan Parlimen Stampin pada tahun 2000 sehingga Jun 2013.
64. PR-1311-L54514  
**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian perjanjian *Frog Virtual Learning Environment (Frog VLE)* di bawah 1BestariNet, berapakah kos yang terlibat, siapakah perunding yang dilantik dan apakah kos berkala yang terlibat termasuk kos penyelenggaraan.
65. PR-1311-L54680  
**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan dasar membenarkan pembinaan sekolah rendah Cina dan Tamil serta Sekolah Menengah Persendirian Cina apabila terdapat keperluan daripada ibu bapa dan pelajar.
66. PR-1311-L53944  
**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan rancangan pengurangan atau pemansuhan plaza tol seluruh negara dalam tempoh lima tahun akan datang.
67. PR-1311-L53222  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan langkah bagi menggalakkan penggunaan Termografi Pengkomputeran (*Computerize Thermography*) dan Radiografi Digital (*Digital Radiography*) dalam industri bagi mengurangkan dedahan sinaran kepada pekerja dan orang awam.
68. PR-1311-L54877  
**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah benar rizab bekalan air terawat di Lembah Klang terutama dalam menampung keperluan penduduk Kuala Lumpur dan Putrajaya dijangka mencapai tahap negatif menjelang 1 Julai 2014 berbanding pada masa ini adalah 4,661 juta liter sehari (JLH).

69. PR-1311-L54299  
**Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kelewatan dalam melaksanakan projek pembinaan Hospital Pendang dan Hospital Kulim Bandar Baharu dan memberikan satu tempoh masa tertentu bilakah pembinaan hospital-hospital tersebut boleh disempurnakan memandangkan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah sendiri dalam 2011 telah pun meluahkan perasaan kecewa terhadap kelewatan tersebut.
70. PR-1311-L53998  
**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sebab-sebab KLIA2 ditunda. Senaraikan semua *Variation Order* (VO) dan nilainya yang dituntut oleh kontraktor.
71. PR-1311-L54252  
**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah "Standard Operating Procedure" (SOP) dalam penetapan harga pembelian padi daripada petani dan bagaimanakah pemantauan dibuat bagi memastikan nasib petani dijaga.
72. PR-1311-L53997  
**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan rancangan menghapuskan sistem Approved Permits (AP) kereta menjelang tahun 2015. Adakah ia akan ditundakan lagi dan apakah rancangan lain untuk menggantikan AP.
73. PR-1311-L53605  
**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dibuat dalam usaha untuk menangani masalah kekurangan guru Bahasa Inggeris dan apakah tindakan yang telah diambil untuk meningkatkan penguasaan dan kemahiran para guru dalam bahasa ini.
74. PR-1311-L54576  
**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan secara terperinci Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) Belia yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 dan sejauh manakah usaha Kerajaan melalui Kementerian menggalakkan pertumbuhan NGO ini dan kemudahan pendanaan.
75. PR-1311-L53848  
**Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [ Padang Serai ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sama ada parti-parti pembangkang akan diberi masa siaran yang munasabah dalam radio dan televisyen yang dibiayai oleh dana awam seperti RTM.

76. PR-1311-L54822  
**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menambah baik dan menaiktaraf sistem bekalan air di Sabah. Bolehkah Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan untuk membina Empangan Tawau kerana masalah bekalan air di Tawau semakin teruk.
77. PR-1311-L53994  
**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kegagalan Keramat Mall menjadi pusat perniagaan walaupun kedudukannya amat strategik dan apakah langkah-langkah Kementerian untuk memastikan pusat ini tidak menjadi satu lagi projek gajah putih.
78. PR-1311-L53592  
**Dato' Kamarudin bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah royalti Petronas akan diberikan kepada negeri Kelantan dan negeri-negeri lain yang layak.
79. PR-1311-L54798  
**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Kerajaan Malaysia dan khususnya, Menteri Dalam Negeri, mensia-siakan cadangan penubuhan IPCMC (*Independent Police Misconduct and Complaints Commission*) oleh Suruhanjaya yang dilantik oleh DYMM SPB Yang DiPertuan Agung, dengan itu tidak menghormati Suruhanjaya yang ditubuhnya sendiri.
80. PR-1311-L54168  
**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diperkenalkan bagi meningkatkan keselamatan penduduk di kawasan Parlimen Bandar Kuching dan Parlimen Stampin dan apakah hasil daripada pelaksanaan langkah-langkah tersebut.
81. PR-1311-L53537  
**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) nama pemaju dan nilai projek pembangunan semula tanah IPD lama Raub ; dan
  - (b) sejauh manakah penyertaan dan penglibatan Bumiputera dalam pemajuan tanah IPD tersebut.
82. PR-1311-L54588  
**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [ Pandan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah dana RM7.04 bilion milik 1MDB yang kini disimpan di Cayman Islands akan dibawa pulang ke Malaysia. Sila senaraikan semua pemegang bon yang diterbitkan 1MDB dan jumlah tanggungan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan.

83. PR-1311-L53628  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Haji Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tahap kemajuan pembinaan Projek Jalanraya Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang-Kuala Terengganu dan kenapa ia tidak dihubungkan dengan Lebuhraya Pantai Timur seperti yang dirancangkan.
84. PR-1311-L53751  
**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengurangkan cukai eksais dan cukai import kereta seperti yang dijanjikan dalam Manifesto BN dan berapakah penurunan cukai tersebut.
85. PR-1311-L54834  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibü ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila UEC akan diiktirafkan seperti yang dijanjikan oleh YAB Perdana Menteri semasa Pilihan Raya Umum ke-13. Adakah Kerajaan merancang untuk mengiktirafkan UEC. Mengapa negara lain boleh mengiktirafkan UEC, Malaysia tidak boleh.
86. PR-1311-L54642  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor awam dan swasta di Malaysia, bilangan doktor pelatih (housemen) dan bilangan doktor baru yang dianggar setiap tahun. Apakah matlamatnya dan langkah-langkah untuk memastikan standard pengamalan perubatan.
87. PR-1311-L54169  
**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diperkenalkan bagi mengurangkan ataupun mengelakkan kes rasuah di antara anggota polis terutamanya di kawasan Parlimen Bandar Kuching dan Parlimen Stampin. Apakah jenis aktiviti yang telah pun dikenal pasti sebagai aktiviti yang mendorong aktiviti sedemikian.
88. PR-1311-L53801  
**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat kajian khusus antara pihak Kerajaan Persekutuan dan negeri untuk menyekat kebebasan murtad.
89. PR-1311-L54205  
**Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [ Subang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan, Agama, Tamil dan Cina yang terdapat di kawasan Parlimen Subang dan apakah rancangan untuk menambah lagi jumlah sekolah-sekolah Tamil dan Cina.
90. PR-1311-L53416  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kedudukan prestasi sektor pelancongan negara dari segi jumlah ketibaan pelancong asing, pendapatan yang diraih, pemandu pelancong dan kesalahan-kesalahan berkaitan pelancongan yang berlaku sepanjang tahun 2010-2013.

91. PR-1311-L54985  
**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian dapat menyediakan dana membeli tanah milik persendirian yang bersebelahan dengan tanah perkuburan sekarang dan dana untuk membina masjid baru bersertakan bilik mengurus jenazah, bilik belajar agama berserta dewan serbaguna dan untuk menambah tapak tanah perkuburan di kampung Melayu Bidadari, Meradong, Tanjong Manis memandangkan tapak masjid sekarang amat tidak sesuai, sempit dan merbahaya dan tanah perkuburan sudah penuh.
92. PR-1311-L54975  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status dan perkembangan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara.
93. PR-1311-L54926  
**Tengku Razaleigh Hamzah [ Gua Musang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan-rancangan yang dirancang dan sedang dilaksanakan oleh 1MDB dan berapa banyakkah jaminan yang dibuat oleh Kerajaan ke atas pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh 1MDB untuk projek-projek sekiranya ada.
94. PR-1311-L54923  
**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan cadangan mengkaji kemungkinan mewujudkan pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di kawasan antara Kudat hingga ke Tawau di Pantai Timur Sabah untuk menyokong kawalan keselamatan kawasan sempadan negara dan membendung ancaman pencerobohan anasir luar.
95. PR-1311-L54272  
**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMIDITI** menyatakan apakah kaedah atau sumber ekonomi yang boleh dijana oleh bekas-bekas penanam tembakau selepas tanaman tersebut sudah tidak menjadi keutamaan oleh Kerajaan.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** dan masalah dicadangkan :-

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga Belas.”

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah (8 Julai, 2013)**

2. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“BAHAWASANYA, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan penyusunan semula beberapa Kementerian berkuat kuasa 16 Mei 2013 seperti berikut :

- (a) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi digabungkan dengan Kementerian Pelajaran yang kini dikenali sebagai Kementerian Pendidikan;
- (b) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi berkaitan kebudayaan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang kini dikenali sebagai Kementerian Komunikasi dan Multimedia dipindahkan ke Kementerian Pelancongan yang kini dikenali sebagai Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; dan
- (c) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi kesejahteraan bandar di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar yang kini dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan dipindahkan ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang kini dikenali sebagai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

DAN BAHAWASANYA-

- (i) perbelanjaan pengurusan bagi maksud-maksud yang melibatkan Kementerian yang disusun semula itu telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2013 [Akta A1446];

- (ii) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan Kementerian-kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61];
- (iii) perbelanjaan pmbangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan Kementerian-kementerian yang disusun semula telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2013;
- (iv) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan Kementerian-kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406];
- (v) bagi Kementerian-kementerian yang disusun semula itu, perlu dibuat penguntukan semula peruntukan perbelanjaan pengurusan dan pembangunannya berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya; dan
- (vi) menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 66A Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, tertakluk kepada suatu Rang Undang-undang Perbekalan yang telah diluluskan mengikut Peraturan Mesyuarat 66, mana-mana penguntukan semula peruntukan perbelanjaan boleh dibuat melalui suatu usul oleh seorang Menteri,

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, DEWAN INI, membuat ketetapan seperti berikut:

1. Berkaitan dengan Perbelanjaan Mengurus-

- (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi lima bilion lapan ratus tiga puluh enam juta sembilan ratus tujuh puluh lima ribu sembilan ratus empat puluh tujuh ringgit (RM5,836,975,947) di bawah Maksud B.49 Kementerian Pengajian Tinggi kepada Maksud B.41 Kementerian Pendidikan;
- (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus empat puluh dua juta tiga ratus tujuh belas ribu seratus dua puluh tiga ringgit (RM242,317,123) di bawah Maksud B.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kepada Maksud B.31 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; dan
- (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi tujuh juta enam ratus lima puluh empat ribu lapan ratus tiga puluh empat ringgit (RM7,654,834) di bawah Maksud B.32 Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kepada Maksud B.43 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



## 2. Berkaitan dengan Perbelanjaan Pembangunan-

- (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi satu bilion sembilan ratus tujuh puluh lima juta seratus tujuh puluh satu ribu tiga ratus tujuh puluh satu ringgit (RM1,975,171,371) di bawah Maksud P.49 Kementerian Pengajian Tinggi kepada Maksud P.41 Kementerian Pendidikan;
- (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi enam puluh empat juta tiga ratus empat puluh ribu lapan ratus enam puluh ringgit (RM64,340,860) di bawah Maksud P.32 Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kepada Maksud P.43 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
- (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi lima puluh tujuh juta tiga puluh ribu tiga ratus lapan puluh lima ringgit (RM57,030,385) di bawah Maksud P.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kepada Maksud P.31 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.”

3. (D.R. 4/2013) Rang Undang-undang Perbekalan  
Tambahan (2012) 2013

**Bacaan Kali  
Yang Kedua**

**[ Menteri Kewangan ]**

**DAN**

**Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima ratus tiga belas juta empat ratus enam puluh sembilan ribu lima ratus enam puluh ringgit (RM513,469,560) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2012 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2012 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 2013 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

4. PR-1311-U53624

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa adalah menjadi pengetahuan umum bahawa ramai warga asing di negeri Sabah telah diberikan kewarganegaraan dengan berstatuskan Bumiputera di negeri Sabah, dengan pemberian kad pengenalan Malaysia.

Dan Dewan ini mengambil maklum juga, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menangani masalah pemberian kad pengenalan Malaysia kepada warga asing, beberapa orang saksi telah memberikan keterangan bahawa memang terdapat usaha beberapa individu untuk memberikan warga asing kad pengenalan Malaysia dan seterusnya mendaftarkan mereka sebagai pemilih. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja, Suruhanjaya juga diberitahu bahawa terdapat juga individu yang mengambil kesempatan untuk menjual kad pengenalan kepada warga asing. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dikhabarkan bahawa jumlah warga asing yang telah diberikan kerakyatan telah melepasi tiga kali ganda jumlah penduduk asal negeri ini. Dan Dewan ini juga mengambil maklum bahawa kehadiran "warganegara Malaysia baru ini" telah banyak menimbulkan masalah sosial, kesihatan, ekonomi dan keselamatan. Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, gerakan penukaran kad pengenalan baru haruslah dijalankan di negeri Sabah dan setiap permohonan kad pengenalan baru ini hendaklah disokong dengan sijil kelahiran pemohon dan juga ibu bapa pemohon. Dewan ini juga haruslah memutuskan bahawa latar belakang pemohon yang menggunakan sijil pendaftaran lewat kelahiran atau surat akuan hendaklah diteliti rapi agar tidak terdapat unsur-unsur penipuan pendaftaran. Abjad "H" dan angka "12" juga haruslah dimasukkan dalam kad pengenalan yang dikeluarkan bag rakyat Sabah."

**(Menteri Dalam Negeri)**

5. PR-1311-U53641

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

" Dewan ini mengambil maklum bahawa, sebagaimana yang telah diumumkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, satu gerakan persempadanan semula kawasan pilihan raya di seluruh negara akan dijalankan dalam tempoh terdekat. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa pada masa ini daripada 222 kerusi Parlimen yang ada, hanya 56 kerusi sahaja diperuntukkan bagi Negeri-negeri Borneo (Sarawak 31 dan Sabah 25) dan selebihnya 166 kerusi diperuntukkan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa tanah Semenanjung Malaysia berkeluasan seluas 131,598 kilometer persegi diperuntukkan sebanyak 166 kerusi (75%) sementara Sarawak dan Sabah dengan keluasan 198,081 kilometer persegi hanya diperuntukkan hanya 56 kerusi(25%). Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa dengan kedudukan geografi dan bentuk muka bumi negeri Sarawak dan Sabah, pengurusan dan pentadbiran di kedua-dua negeri ini agak terbantut, sama ada dari segi suara di Parlimen mahu pun dana yang diperolehi melalui Ahli Parlimen. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa bersandarkan kepada polisi dan semangat Perjanjian Malaysia, Negeri Borneo ini (Sarawak dan Sabah) hendaklah memiliki 1/3 atau sekurang-kurangnya 77 kerusi Parlimen.

Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa dalam gerakan persempadanan semula kawasan pilihan raya yang bakal dijalankan nanti, Negeri Sarawak dan Sabah hendaklah diperuntukkan 1/3 kerusi Parlimen yang bakal dibentuk kelak."

**(Perdana Menteri)**

6. PR-1311-U53665

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, bahasa memainkan peranan penting dalam berkomunikasi sama ada, ketika belajar, ketika bekerja atau ketika beriadah. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa membolehkan rakyat Malaysia berinteraksi dengan baik sama ada dalam negara mahu pun di peringkat global. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, dalam merangka pelan pendidikan negara, Kerajaan hendaklah mewajibkan semua murid di Sekolah Jenis Kebangsaan mengambil mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris sebagai mata pelajaran wajib sementara di sekolah kebangsaan pula, murid hendaklah mengambil mata pelajaran bahasa pilihan, sama ada bahasa ibunda, Tamil, Cina dan lain-lain bahasa."

**(Menteri Pendidikan)**

7. PR-1311-U53673

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, isu Borneonisasi amat dekat di hati rakyat Negeri Sabah dan Sarawak. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak juga ingin untuk menyumbang dalam pembangunan negara. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, Rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak amat bersyukur kerana telah diberikan banyak peluang dalam menjawat jawatan persekutuan di kedua-dua negeri ini. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, masih terdapat banyak ruang di mana rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak dapat diberikan peluang untuk berkhidmat dan menyumbang kepada pembangunan negara dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak haruslah diberikan peluang untuk berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan."

**(Perdana Menteri)**

8. PR-1311-U53606

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil maklum bahawa kebelakangan ini beberapa orang yang telah ditangkap dan ditahan di lokap untuk penyiasatan selanjutnya mati di lokap Polis dan ia adalah di bawah bidang kuasa Polis. Pada masa sekarang pihak Polis sendiri menyiasat salah guna kuasa mereka sendiri ini tidak membawa sebarang keyakinan kepada rakyat. Suatu Badan Kuasa Bebas perlu ditubuhkan seperti yang telah disyorkan supaya siasatan bebas terhadap pihak Polis boleh dilaksanakan. Badan yang dicadangkan adalah "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)". Bahawa Dewan ini mengarahkan Kementerian Dalam Negeri melaksanakan dan menubuhkan "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)" dengan segera".

**(Perdana Menteri)**

9. PR-1311-U53671

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dasar dan langkah-langkah yang sentiasa diambil untuk menjaga keutuhan negara Malaysia."

**(Menteri Dalam Negeri)**

10. PR-1311-U53672

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperdebatkan keadaan jenayah secara menyeluruh di negara ini."

**(Menteri Dalam Negeri)**

11. PR-1311-U53434

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat bersetuju supaya pilihan raya Kerajaan tempatan dipulihkan semula di seluruh negara termasuk pilihan raya Kerajaan Tempatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menggantikan sistem lantikan Datuk Bandar dan Ahli-ahli Majlis kerana ia lebih berkesan untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan Tempatan yang adil, cekap dan akauntabiliti berbanding sistem sekarang."

**(Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan)**

12. PR-1311-U54335

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengambil tindakan terhadap Pengerusi dan Timbalan Pengerusi serta anggota Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang telah melakukan penipuan dalam PRU-13 dengan menggunakan dakwat kekal yang tidak kekal dan menjadikan PRU-13 sebagai tidak bersih."

**(Perdana Menteri)**

13. PR-1311-U54336

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pelaksanaan dan operasi AES yang jelas hanya menguntungkan syarikat konsesi dan tidak menyelesaikan serta tidak mengurangkan kadar kemalangan di Malaysia. "

**(Menteri Pengangkutan)**

14. PR-1311-U54337

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pinjaman pendidikan PTPTN dan menyediakan pendidikan tinggi yang percuma untuk rakyat Malaysia. Pemansuhan PTPTN akan mengelakkan masyarakat Malaysia daripada beban hutang yang berpanjangan."

**(Menteri Pendidikan)**

15. PR-1311-U54338

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memastikan Rang Undang - Undang GST mesti ditolak, kerana GST akan menambah beban hidup rakyat. Pelaksanaan GST nanti adalah satu kezaliman pada rakyat Malaysia yang majoritinya berpendapatan rendah dan sederhana."

**(Menteri Kewangan)**

16. PR-1311-U54339

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengutuk sekerasnya kenyataan-kenyataan berbau perkauman yang dikeluarkan oleh pimpinan parti politik dan media perkauman UMNO/BN seperti menyatakan keputusan PRU-13 adalah tsunami politik Cina dan 'apa lagi cina mau' adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan bertentangan dengan amalan demokrasi."

**(Perdana Menteri)**

17. PR-1311-U54341

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini meminta Kerajaan menurunkan harga minyak RON95 dari RM1.90 kepada RM 1.40 bagi meringankan bebanan hidup rakyat dan membolehkan lebih pendapatan dalam poket serta mewujudkan pendapatan boleh guna rakyat."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan)**

18. PR-1311-U53963

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan Malaysian Association of Foreign Maid Agencies (PAPA) untuk menaikkan fi pengambilan pekerja kepada RM6700 oleh majikan dan RM1800 oleh pekerja domestik. Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani Kerajaan Malaysia-Indonesia, yang menetapkan fi tetap pada RM4,511; RM2,711 dibayar oleh majikan dan RM1,800 oleh pekerja domestik jelas menunjukkan agensi pekerjaan mengaut keuntungan yang tinggi melalui pemerdagangan ini. Ia akan membawa kepada tangga gaji yang rendah kepada pekerja domestik untuk sekurang-kurangnya 6-9 bulan. Ianya jua bercanggah dengan Akta Pekerjaan (Artikel 24-8) yang menghalang majikan menolak gaji sehingga 50%. Ia juga bercanggah dengan Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedure) di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Manusia di mana sekiranya gaji tidak dibayar untuk tiga bulan atau lebih, maka majikan boleh didakwa kerana eksploitasi."

**(Menteri Sumber Manusia)**

19. PR-1311-U53965

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan ini mendesak agar segala projek pembangunan yang dibina di kawasan Bukit Gasing dihentikan agar hakisan tanah dan penduduk di kawasan pinggir bukit tidak hidup dalam ketakutan setiap kali hujan turun."

**(Menteri Wilayah Persekutuan)**

20. PR-1311-U54604

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan untuk membenarkan keluarga mangsa yang mati dalam tahanan Polis Diraja Malaysia, memperoleh pakar perubatan forensik sendiri bagi menjalankan bedah siasat."

**(Menteri Dalam Negeri)**

21. PR-1311-U54605

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam di dalam membendung gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

**(Menteri Pendidikan)**

22. PR-1311-U55044

**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini mengecam Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi untuk artikel "Hijrah ke negara republik jika enggan terima sistem negara" di dalam Utusan Malaysia pada 16 Mei 2013, kerana bukan sahaja menunjukkan keangkuhan dan penghinaan terhadap pendapat umum tetapi juga untuk seorang Menteri menyuruh rakyat Malaysia yang tidak suka dengan sistem Pilihan raya negara keluar meninggalkan negara adalah bertentangan dengan dasar 1Malaysia Perdana Menteri dan matlamat beliau untuk menjadikan Malaysia "demokrasi terbaik dunia".

**(Menteri Dalam Negeri)**

23. PR-1311-U55043

**Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [ Padang Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengiktiraf bahawa Rakyat diberi akses munasabah kepada Parlimen dan premisnya; seterusnya bahawa langkah-langkah diambil supaya Dewan Rakyat dijadikan tempat yang lebih menggalakkan penyertaan dan minat rakyat; membuat ketetapan bahawa Rakyat dan pertubuhan-pertubuhan NGO dibenarkan penggunaan munasabah akan kemudahan di Parlimen termasuk untuk mengadakan sidang akhbar di lobi Parlimen dan bahawa rakyat tidak dipaksa menurut sebarang kod pakaian semasa berada di Dewan Rakyat atau premisnya."

**(Perdana Menteri)**

24. PR-1311-U55045

**Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [ Padang Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat timbang semula keputusan Tuan Timbalan Yang Dipertua berkenaan dengan perkara Peraturan Mesyuarat pada 1hb Julai 2013 iaitu keputusan Mahkamah dalam kes kematian dalam tahanan polis A.Kugan tidak boleh disebutkan menurut Peraturan Mesyuarat 36(2) atas alasan bahawa ianya berada di bawah timbangan Mahkamah (subjudice)."

**(Perdana Menteri)**



**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

| <b><u>TAHUN<br/>2013</u></b> | <b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>  | <b><u>TARIKH<br/>DIBENTANGKAN</u></b> |
|------------------------------|--|---------------------------------------|
| ST.16                        | Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Bagi Tahun 2012.  | 9 Julai 2013                          |
| ST.21                        | Laporan Tahunan Suruhanjaya Perlantikan Kehakiman Bagi Tahun 2012.   | 9 Julai 2013                          |
| ST.24                        | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka Bagi Tahun 2011.   | 9 Julai 2013                          |
| CMD.20                       | Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2013   | 9 Julai 2013                          |
| CMD.20A                      | Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2013 Bagi Kerajaan Malaysia.    | 9 Julai 2013                          |
| CMD.21                       | Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2013  | 9 Julai 2013                          |
| CMD.21A                      | Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2013 Bagi Kerajaan Malaysia. | 9 Julai 2013                          |